NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF
BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

| **Bil.** | **Jawatan** | **Kelayakan** |
|---|---|---|
| 1. | Eksekutif Strategi Korporat dan Komunikasi<br>(Gred 11 – Jawatan Kontrak)<br>(Pejabat Pengurusan Korporat, NIBM) | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Bertanggungjawab terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi dan penjenamaan korporat;<br>2. Membantu menyediakan dan menyampaikan berita / aktiviti semasa;<br>3. Membantu menyediakan, menyunting dan menyemak bahan-bahan taklimat media dan maklumat korporat;<br>4. Membantu merangka untuk menyiarkan berita menggunakan saluran media sosial;<br>5. Membantu menguruskan pengurusan papan notis, media dan hubungan korporat;<br>6. Membantu menyediakan maklumat-maklumat korporat dan lain-lain bentuk komunikasi yang diluluskan oleh syarikat;<br>7. Menguruskan dan menyelaras segala acara, lawatan , aktiviti korporat termasuk konferens, *tradeshow, & press interview* dan acara-acara lain yang melibatkan MOSTI dan agensi-agensinya;<br>8. Menyediakan bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai kepakaran, perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan sediaada di NIBM dalam bentuk cetakan dan elektronik;<br>9. Menyimpan dan mengemaskini senarai nama dan berhubung dengan wakil-wakil dari media sebagai rakan strategik media bagi menyiarkan berita-berita terkini berkenaan NIBM; dan<br>10. Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Komunikasi Korporat/ Perniagaan/ Pemasaran atau lain-lain bidang yang berkaitan;<br>3. Mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan, perancangan dan pengurusan dan mahir dalam pengurusan media merupakan satu kelebihan; dan<br>4. Memiliki sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang tugas berkaitan. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:


**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5686
Emel :recruitment@nibm.my


Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan**: 30 Ogos 2017**